



Kosmo (Negeri)

22 calon Khamis 27/9/07 15 kerusi rebut PG:4 si UMP

KUANTAN - Seramai 22 calon bertanding dalam pilihan raya kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang, di sini bagi merebut 15 kerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi sesi 2007/08.

Nama-nama calon itu diumumkan Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP, Prof. Dr. Abd. Jalil Borham selaku Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya UMP di sini semalam.

Menurutnya, lapan daripada 22 calon akan merebut lima kerusi umum, manakala 14 calon lain akan bertanding untuk mengisi 10 kerusi fakulti.

Fakulti terbabit ialah Kejuruteraan Awam & Sumber Alam, Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Kejuruteraan Mekanikal dan Sistem Komputer & Kejuruteraan.

Setakat ini, katanya, dua calon Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan menang tanpa bertanding iaitu Mohd. Jamilulhakim Kamarulaffandi, 20, dan Emma Sofia Zulkifli,